



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS MEDIA KES SIASATAN TERHADAP PEGAWAI KANAN DI LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

PUTRAJAYA, 6 MEI 2024 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) hari ini mengambil maklum berhubung siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap pegawai-pegawai kanan termasuk seorang Pengurus Besar di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

KPBM memandang serius berhubung siasatan ini dan sedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab supaya kes ini dapat dijalankan siasatan dengan adil dan telus.

Pada masa yang sama, KPBM sentiasa komited dalam usaha-usaha pencegahan rasuah dan meletakkan keutamaan terhadap tahap integriti yang tinggi di kalangan pegawai dan tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana perlakuan rasuah dan amalan tidak berintegriti.

Usaha berterusan sentiasa diambil oleh pihak KPBM dalam membanteras sebarang bentuk salah guna kuasa, konflik kepentingan, gejala rasuah dan penyelewengan melalui penambahbaikan arahan-arahan dalaman melibatkan pelbagai gerak kerja jabatan dan agensi di bawah KPBM.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

6 Mei 2024